



International Federation
of Library Associations and
Institutions

Garis Panduan untuk Program Literasi Berasaskan Perpustakaan



©CIDA/ACDI PHOTO: BRUCE PATON

Beberapa Cadangan Praktikal



BAHAGIAN BACAAN

Terjemahan:

**Saidatul Akmar Haji Ismail
Halida Yu**

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA

Shah Alam

Jun 2008

Bahagian Bacaan IFLA berbesar hati memperkenalkan beberapa cadangan praktikal untuk staf perpustakaan yang ingin membantu masyarakat menjadi lebih celik ilmu. Kami percaya bahawa kedudukan perpustakaan itu adalah unik untuk mempromosikan literasi. Perpustakaan boleh terus maju dan menjalankan program mereka sendiri atau mereka boleh menyokong projek literasi yang dianjurkan organisasi lain.

Tujuan petunjuk-petunjuk praktikal ini adalah:

Untuk menggalakkan perpustakaan terlibat di dalam program literasi.

Untuk dijadikan sebagai senarai semak tidak rasmi bagi menilai program berasaskan perpustakaan yang telah disediakan.

Definisi literasi yang kami berikan adalah luas. Ianya meliputi perkembangan dan amalan membaca, menulis dan mengira (kebolehan yang berkaitan dengan nombor). Kebolehan-kebolehan ini menggalakkan sifat ketidakbergantungan, perasaan ingin tahu dan pembelajaran sepanjang hayat oleh individu dan kumpulan individu. Pelajar yang sedemikian akan memberikan sumbangan yang lebih besar kepada ekonomi, sosial dan budaya masyarakat dan bangsa di mana sahaja mereka berada.

Kami menulis garis panduan ini sebagaimana pustakawan bercakap dengan pustakawan. Kami telah berosal-jawab dengan beberapa persoalan yang menggambarkan bahawa kami sedang bekerja dengan anda:

- 1 Siapakah audiens kita?
- 2 Bagaimanakah kita merancang dan mengadakan kerjasama dengan masyarakat?
- 3 Siapakah bakal rakan kongsi kita?
- 4 Apakah bahan yang diperlukan dan bagaimana memilihnya?
- 5 Bagaimanakah kita melatih staf kita?
- 6 Bagaimanakah kita mempromosi program literasi ?
- 7 Bagaimanakah kita tahu kita berjaya?
- 8 Bagaimanakah untuk kita memastikan kesinambungan program kita?

Setiap perpustakaan mempunyai aktiviti-aktiviti yang berlainan. Aktiviti mereka bergantung kepada faktor setempat. Kami sedia maklum bahawa semua jawapan yang kami berikan tidak mungkin dapat diaplikasi oleh setiap perpustakaan atau setiap projek. Oleh itu, kunci kepada kejayaan satu-satu projek adalah fikiran yang terbuka dan muhibbah. Kualiti inilah yang sukar untuk dinyatakan di dalam satu brosur, tetapi kita akan mengetahuinya apabila kita bekerja di kalangan rakan sekutu kita

Soalan dan jawapan yang diberikan adalah sebagai satu cadangan, garis panduan tidak rasmi. Ianya ditulis untuk staf perpustakaan yang mahu berkongsi dan berhasrat untuk melaksanakan kepercayaan kami bahawa perpustakaan dan literasi adalah rakan sekutu.

“Literacy is the key to education and knowledge and to the use of library and information services.”

Garis Panduan IFLA untuk Perpustakaan Umum, Ogos 2000

Siapakah audiens kita?

Beberapa kumpulan sasaran yang sesuai untuk program literasi berasaskan perpustakaan, antaranya:

Golongan muda yang tercincir daripada sistem persekolahan

Golongan muda yang menganggur

Wanita dan warga tua yang tidak berpeluang untuk belajar membaca, menulis dan mengira (kebolehan berkaitan nombor)

Golongan dewasa yang mengalami masalah literasi

Bangsa yang datang daripada berbilang negara, bahasa dan kumpulan etnik

Pekerja migran

Pelarian

Orang yang ditempatkan di institusi, seperti penjara atau hospital

Staf perpustakaan hendaklah terlebih dahulu berbincang mengenai program yang dirancang dan keperluan peserta. Beberapa soalan yang akan dibincangkan dengan peserta adalah:

Di manakah ruang yang sesuai untuk dijadikan kelas dan amali?

Apakah masa yang paling sesuai untuk kelas tersebut?

Berapa kerapkah kelas tersebut boleh diadakan?

Apakah bahan yang berguna untuk setiap pelajar?

Siapakah yang akan mengetuai projek tersebut dan apakah latihan yang perlu ada pada seseorang?

Dalam keadaan apakah para peserta perlu menggunakan kebolehan yang baru diperolehi?

Apakah bantuan sedia ada yang diperlukan untuk pembelajaran? Contohnya: poster, komputer, video, radio, dan alat tulis dan alat lukis.

Bagaimanakah kita merancang dan mengadakan kerjasama dengan masyarakat?

Staff tersebut perlu bermula dengan menilai kedudukan perkhidmatan perpustakaan di dalam konteks setempat, negeri, dan negara. Kebiasaan perpustakaan berfungsi mengikut budaya setempat dan kebangsaan dan polisi pendidikan. Staf perpustakaan perlu menghormati sesuatu budaya masyarakat setempat. Sebelum projek bermula, staf perpustakaan perlulah membuat perancangan dengan mengambilkira:

Maklumat masyarakat (budaya, sosial dan amalan, bersama maklumat statistik, jika ada)

Laporan terperinci bagi keseluruhan tujuan

Kenalpasti kumpulan lain yang bekerja di dalam bidang literasi

Perancangan kewangan

Staf tersebut perlu membincangkan rancangan mereka dengan ahli masyarakat dan rakan kongsi. Tempat untuk program literasi diadakan adalah pelbagai, namun staf perpustakaan perlu mengambilkira tempat yang selesa untuk peserta berkumpul. Tempat yang dicadangkan adalah:

Perpustakaan awam, bergerak, atau lain-lain.

Pusat penjagaan kesihatan, dewan orang ramai, sekolah, tempat beribadat

Stesen bas dan keretapi, kilang-kilang

Tepi pantai, padang riadah dan juga restoran

Rumah ketua masyarakat

Tempat diadakan perlulah selesa, mudah untuk dikunjungi, dan menarik untuk peserta. Jangkamasa aktiviti projek – contohnya, bilakah projek bermula, selama mana ia berlangsung dan bila kelas mengambil tempat mereka – perlu dijalankan dengan kerjasama staf projek, pihak berkuasa tempatan, dan peserta projek. Kekerapan kelas juga penting. Kumpulan tersebut perlu berjumpa sekerap yang mungkin – setiap minggu jika boleh – untuk membantu perkembangan peserta.

Lain-lain Penglibatan

Selain berbincang dengan pustakawan, guru dan lain-lain profesional, staf projek juga boleh menghubungi golongan utama atau penting di dalam masyarakat tersebut, di antaranya termasuklah:

Mereka yang mengetahui sejarah, tradisi dan budaya masyarakat tersebut

Mereka yang menyertai badan sukarela dan bukan-untuk-keuntungan dan tempat ibadat

Mereka yang bekerja untuk kerajaan tempatan

Lain-lain pegawai kerajaan dan golongan berpengetahuan teknikal juga perlu diminta khidmat nasihat di dalam perancangan ini, bersama dengan pakar-pakar utama di dalam wilayah dan negara (atau lebih luas lagi). Wakil-wakil pertubuhan penulis dan media boleh menyertai staf projek.

Perancangan perlu dibuat untuk memastikan semua peserta dapat menyertai program tanpa rasa takut dan bebas mengambil bahagian di dalam kelas yang diadakan. Jika garispanduan tertentu diperlukan bagi menghormati pelbagai tradisi budaya, mereka patut mengambil kira perkara tersebut di dalam perancangan untuk projek literasi dan kerja-kerja di perpustakaan secara keseluruhan.

Siapakah bakal rakan kongsi kita?

Terdapat banyak kumpulan yang menyediakan pelbagai jenis budaya, maklumat dan perkhidmatan literasi kepada masyarakat. Dengan bekerjasama di antara staf perpustakaan dan kumpulan-kumpulan ini akan dapat menghasilkan kebih kejayaan di dalam masyarakat tersebut. Nyata, staf perpustakaan boleh menjadi penghubung utama antara pelbagai agensi.

Di antara agensi kebudayaan yang boleh bekerjasama dengan perpustakaan untuk program literasi termasuk:

Kumpulan artis, penulis, dramatis, atau ahli musik

Jabatan kebudayaan tempatan, wilayah, dan/atau kerajaan nasional

Pertubuhan kebudayaan, kebangsaan dan antarabangsa

Kumpulan kebudayaan yang menghasilkan bahan penerbitan

Staf perpustakaan patut bekerjasama dengan pelbagai kumpulan pendidikan, termasuk:

Sekolah di semua peringkat; kumpulan pendidikan dewasa; guru-guru; ibubapa dan persatuan ibubapa-guru

Kumpulan guru-guru dan pekerja literasi

Program dan pertubuhan pendidikan bukan kerajaan

Jabatan Perpustakaan dan Kajian Maklumat

Jabatan pendidikan kerajaan tempatan, wilayah dan nasional

Penerbit-penerbit bahan pendidikan dan kebudayaan

Kelab pembaca; persatuan bacaan; persatuan penerbit; dan persatuan penjual buku

Lain-lain kumpulan dan pertubuhan masyarakat yang berpotensi sebagai rakan kongsi termasuk:

Persatuan penduduk

Kumpulan keagamaan dan persaudaraan

Pertubuhan bukan kerajaan

Pekerja sosial, ahli psikologi, kaunselor, dan lain-lain

Pekerja kesihatan awam

Kesatuan sekerja

Kumpulan peniaga, media, dan politik

Bahan-bahan apa yang diperlukan dan bagaimana kita memilih mereka?

Bahan-bahan untuk program literasi berdasarkan perpustakaan boleh dihasilkan, didermakan, dipinjam, dikitar semula, dibeli atau dimuat-turun dari internet, menurut keadaan setempat. Oleh kerana pentingnya

menggunakan bahan pembelajaran orang dewasa yang relevan, staf perpustakaan perlu memilih bahan-bahan yang menarik minat di dalam bahasa tempatan.
Ini termasuklah:

Buku-buku kecil (booklets) tentang kesihatan, keluarga, dan pertanian.

Maklumat tentang pembangunan ekonomi, alam sekitar, dan adat resam dan budaya tempatan.

Surat khabar dan majalah

Rancangan menggunakan radio, video, dan internet.

Bila memilih bahan-bahan, staf perpustakaan perlulah menimbangkan:

Rekaan

- Adakah cetakan cukup besar, jelas dan mudah untuk dibaca?
- Adakah jarak di antara perenggan-perenggannya bersesuaian?
- Adakah rekaan halaman/muka surat baik, menarik dan mudah untuk dibaca?.
- Adakah terdapat ilustrasi untuk menyokong teks?

Bahasa

- Adakah bahasa yang digunakan jelas dan menggunakan bahasa yang biasa digunakan?
- Adakah teks tidak menggunakan dialek yang sukar, ungkapan dan lambang kenegerian?

Perkataan

- Adakah penulis menggunakan perkataan yang ringkas dan biasa digunakan?
- Adakah perkataan-perkataan teknikal dan sukar di terangkan dan diulang, supaya dapat dipelajari?

Struktur ayat dan perenggan

- Adakah struktur ayat dan perenggan ringkas, pendek, dan jelas?.
- Adakah setiap ayat diperkenalkan dengan huruf besar?

- Adakah satu idea dinyatakan dalam dua atau tiga perkataan yang ringkas dalam satu perenggan?

Bagaimana kita melatih staf kita?

Persediaan

Menyediakan staf untuk menyertai program-program literasi berasaskan perpustakaan boleh berlaku dalam pelbagai cara . Latihan boleh ditawarkan dalam pendidikan pra - profesional, latihan dalam perkhidmatan atau sebagai pendidikan yang berterusan. Kebiasaannya, ia diberikan dalam kursus-kursus pendek dan bengkel-bengkel, atau dalam program-program tertentu semasa mesyuarat professional. Untuk mendapatkan program literasi yang berjaya, tiga bentuk latihan perlu dipertimbangkan:

Latihan bagi staf yang bekerja dengan orang ramai.

Latihan bagi pengurus staf perpustakaan bagi projek-projek literasi.

Latihan bagi tutor dan mereka yang memberikan perkhidmatan.

Pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan

Semua staf, terutamanya staf yang bertugas dengan orang awam, memerlukan latihan umum untuk memberikan kesedaran kepada mereka tentang keperluan-keperluan kumpulan sasaran. Pengetahuan dalam bidang-bidang ini adalah amat berguna:

Pengetahuan tentang literasi

Pengetahuan tentang keperluan-keperluan mereka yang buta huruf dan peranan perpustakaan.

Kaedah-kaedah untuk mengenal pasti populasi sasaran.

Jenis-jenis perkhidmatan yang boleh ditawarkan oleh perpustakaan.

Pengetahuan tentang bakal rakan kongsi

Staf yang akan menyelia latihan literasi memerlukan semua kemahiran dan pengetahuan yang disenaraikan di atas. Sebagai tambahan, mereka memerlukan pengetahuan yang lebih khusus seperti:

Pengetahuan tentang pelbagai keperluan golongan yang buta huruf.

Memahami keperluan untuk berhubungan dengan pembekal/penyedia literasi dan agensi-agensi masyarakat

Pengetahuan tentang pembangunan, pengurusan dan penilaian program-program literasi.

Tenaga pengajar literasi, selalunya terdiri daripada sukarelawan dalam masyarakat, memerlukan latihan khusus. Ianya seharusnya merangkumi:

Teknik-teknik mengajar pelajar dewasa.

Latihan sokongan (Advocacy)

Latihan tentang kepentingan kerahsiaan, hormat, dan kepercayaan

Bagaimana kita mempromosikan program literasi kita?

Program literasi perpustakaan mesti dipromosikan untuk berjaya. Ketua-ketua projek mestilah memaklumkan dan memberikan maklumat terkini kepada masyarakat dan kumpulan-kumpulan lain yang berminat tentang projek literasi ini. Kumpulan-kumpulan ini termasuklah:

Staf perpustakaan, pemegang amanah perpustakaan dan/atau pengurusan atau

badan-badan penasihat; pengguna
perpustakaan

Wakil-wakil kerajaan

Lain-lain organisasi masyarakat

Media

Kebudayaan tempatan dan kumpulan -
kumpulan pendidikan

Tujuan-tujuan disebalik program juga perlu dijelaskan untuk diketahui umum. Mesej-mesejnya perlu difokuskan kepada:

Mengapa perpustakaan terlibat dalam mempromosikan literasi?

Bagaimana perpustakaan terlibat?

Apa kesan yang diharapkan untuk dicapai oleh perpustakaan daripada program literasinya?

Kaedah-kaedah tertentu didapati berguna dalam mempromosikan aktiviti-aktiviti literasi. Kaedah-kaedah itu termasuklah rancangan untuk:

Membangunkan kumpulan kerja untuk membantu mempromosikan program.

Menyediakan poster-poster dan bahan-bahan kepada media tempatan.

Menghasilkan risalah-risalah kecil (flyers), brosur, dan pengumuman-pengumuman ringkas kepada perpustakaan tempatan, persatuan-persatuan kebudayaan dan pendidikan.

Bekerjasama dengan organisasi-organisasi sekutu, bila perlu, dalam usaha-usaha publisiti bersama.

Bagaimana untuk mengetahui bahawa usaha-usaha kita telah berjaya?

Tugas-tugas perpustakaan dalam keperluan literasi perlu dinilai pada jangkamasa-jangkamasa tetap. Kita perlu mengetahui adakah usaha kita selama ini berkesan dalam mencapai sasaran pelanggan yang dikehendaki.

Ini adalah penting terutamanya jika sesuatu program itu telah dirancang tanpa penglibatan secara langsung dengan sasaran pelanggan sebelumnya, seperti yang selalunya berlaku dalam program-program yang ditujukan kepada pelajar-pelajar.

Bidang-bidang untuk penilaian termasuklah:

Bilangan peserta yang mendaftar dan tamat menghadiri program.

Bagaimana mereka menilai program.

Bagaimana program memberi faedah kepada komuniti.

Keberkesanan penggunaan bahan-bahan literasi, contoh; kewujudan bahan-bahan dan penggunaannya oleh sasaran pelanggan.

Keberkesanan lokasi program, contoh; tapak lokasi (site), bangunan, perabut dan peralatan.

Kesesuaian kekerapan dan jangkamasa program kepada peserta

Struktur program, contoh; pentadbiran, penyeliaan, kerjasama dengan rakan sekutu.

Faedah jangka panjang kepada individu

Kaedah-kaedah penilaian boleh merangkumi:

Temu bual dengan individu-individu dan kumpulan-kumpulan tumpuan dari

sasaran pelanggan, termasuk mereka yang telah menyertai dan tidak menyertai program.

Contoh-contoh penulisan dari pelajar-pelajar.

Temu bual dengan staf program literasi tentang keberkesanannya program dan kerjasama dengan rakan sekutu.

Staf juga boleh mengumpul maklumat tentang bilangan peserta, kehadiran mereka, dan kualiti dan jenis bahangan-bahan yang digunakan.

Bagaimana kita boleh memastikan program kita berjalan?

Untuk meneruskan dan merancang masa depan program literasi berasaskan perpustakaan yang berjaya, staf perpustakaan boleh menimbangkan:

Memberikan peserta dan sesiapa yang telah menghadiri kelas dengan bahan-bahan bacaan yang sesuai, mungkin melalui penerbit yang bertindak sebagai rakan sekutu.

Mengatur aktiviti-aktiviti dan projek-projek untuk peserta-peserta program yang berjaya, di perpustakaan, dan melalui perniagaan yang mungkin dapat menawarkan peluang-peluang pekerjaan

Melibatkan pihak-pihak berkuasa tempatan, termasuk kerajaan tempatan, dalam aktiviti-aktiviti susulan dan projek-projek yang dapat menawarkan pembentukan tambahan untuk program-program literasi.

Jalinan kerjasama dengan kumpulan-kumpulan yang lain dan organisasi-organisasi untuk memastikan bahawa

program dapat membentuk peluang-peluang kerjasama dan tidak beroperasi secara bersendirian.

Menarik minat media dalam beberapa contoh-contoh yang berjaya.



Untuk keterangan lanjut tentang Seksyen Membaca dan garis panduan, sila lawati:

www.ifla.org/VII/s33/sr.htm

Garis panduan disenaraikan di bawah “Projects”, dan terjemahan garis panduan akan muncul apabila mereka telah disediakan.